

Murid Tahun Enam SK Tanjung Aru Satu timba ilmu di UMSKAL

UB 7.11.2015 A8

LABUAN: Seramai 36 murid Tahun Enam, SK Tanjung Aru Satu, Kota Kinabalu telah mengadakan lawatan sambil belajar ke Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL), kelmarin.

Rombongan yang diketuai guru disiplin, Mohd Safri Mohd Yanin itu bertujuan untuk mendedahkan murid Tahun Enam kepada pembelajaran dan kehidupan di universiti khususnya di UMSKAL.

Selain itu, untuk meningkatkan motivasi murid Tahun Enam yang baru sahaja menduduki UPSR agar belajar lebih gigih untuk memasuki IPTA di negara ini.

"Mereka sangat teruja melawat UMSKAL dan Wilayah Persekutuan Labuan amnya kerana ramai yang pertama kali mengunjungi pulau bebas cukai ini," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menerima cenderamata daripada Timbalan Pendaftar Kanan UMSKAL,

Zamri Mohamad Tuah.

Murid bersama 10 guru pengiring turut dibawa melawat makmal Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan (FKAL) dan makmal Fakulti Komputeran dan Informatik (FKI).

Mohd Safri yang mewakili Guru Besar SK Tanjung Aru Satu, Haji Yusof Mataip mengucapkan terima kasih kepada Pengarah UMSKAL, Prof Madya Dr Murnizam Haji Halik kerana sudi menerima rombongan sekolah tersebut.

Selain UMSKAL, mereka turut melawat SKKSK Rancha-Rancha, Kilang Leminit di Rancha-Rancha, Taman Burung, bekas lombong arang batu Chimney di Lubok Temiang, Muzium Marin di Kompleks Sukan Laut Antarabangsa Labuan Tanjung Purun dan Taman Botanikal.

ZAMRI (lima kiri) bersama murid dan guru SK Tanjung Aru Satu Kota Kinabalu yang melawat UMS Labuan, kelmarin.

